

Etiket dan Sopan Santun

(Mengetuk Pintu

Kebiasaan seseorang tatkala menutup pintu dengan cara yang kasar sehingga menimbulkan bunyi yang keras, bukan saja pekerti itu memperlihatkan tingkah laku yang kurang sopan, tetapi juga dapat membahayakan perbuatan demikian, sungguh berbahaya, kerana jika kebetulan ada orang diambang pintu, mungkin ia akan tersepit atau terantuk lalu jatuh.

Oleh itu tutuplah pintu dengan cara yang baik dan berhati hati sehingga tidak menimbulkan suara yang dapat mengganggu pendengaran. Sebagaimana menutup, begitu pula ketika membukanya, hendaklah pintu itu, dibuka dengan tenang dan menutupnya kembali dengan tenang. Yang demikian hendaklah dilakukan di mana-mana – baik di tempat sendiri, mahu pun di tempat orang, di dalam rumah ataupun di atas kenderaan.

Dari gaya membuka dan menutup pintu, orang telah dapat mengambil kesan, bagaimana peribadi seseorang. Pintu hendaklah selalu terbuka lebar atau tertutup. Janganlah sesekali kali membiarkan pintu setengah terbuka atau setengah tertutup.

Jika kita melalui pintu, dan pintu hanya kita tutup sekadar menolak saja sehingga tidak tertutup benar, maka ini menandakan bahawa kita tidak teliti dalam pekerjaan kita. Orang yang melihatnya pun akan menarik kesan yang demikian. Oleh itu, pintu sepatutnya tertutup rapat, atau sepatutnya terbuka lebar.

Kebiasaan di rumah orang-orang kita, ada diletakkan tempat

pengesat kaki di dekat pintu di hadapan rumah, atau di bawah tangga. Semua orang tahu bahawa pengesat kaki gunanya untuk membersihkan kasut, sipar¹ dan sebagainya sebelum seseorang itu hendak masuk ke dalam rumah. Maka tidaklah perlu meletakkan papan tanda atau tulisan yang berbunyi; “bersihkan kaki sebelum naik” . umpamanya.

Meletakkan alamat atau papan tanda sedemikian ini, tidak seharusnya dilakukan. Kerana setiap orang yang tahu sopan santun, dengan sendirinya akan membersihkan kasut atau seliparnya terlebih dahulu jika dilihatnya sebuah pengesat kaki terletak di depan pintu.

Sebaik-baiknya, jika memasuki rumah sendiri, apa lagi jika memasuki rumah orang lain untuk bertamu, bersihkanlah kaki terlebih dahulu. Kita tahu mungkin rumah orang yang kita kunjungi itu baru sahaja dibersihkan lantainya.

Tentu sahaja tuan rumah tidak akan bersenang hati kalau melihat orang memasuki rumahnya dengan membawa lumpur, tanah atau kotoran lain-lain yang lekat pada kakinya.

Ketuk lah pintu sebelum kita hendak memasuki bilik yang bukan bilik kita sendiri. Ini dilakukan banyak di pejabat, mahupun di hotel, *restaurant*, termasuk juga umpamanya rumah kita sendiri, kerana mungkin ada orang lain yang bukan keluarga kita sedang menumpang di rumah kita pada waktu

¹ Ejaan sebenar selipar

itu. Siapa tahu orang itu berkeadaan tidak bersedia untuk menerima kemasukan kita – misalnya dia sedang tidak berpakaian yang sempurna, atau ingin tiada diganggu. Maka ketuklah terlebih dahulu, dan nantikan sebentar, sehingga telah ada orang yang menyahut dari dalam.

Juga di pejabat, kita perlu berubah. Demikian terlebih dahulu, terutama jika kita hendak memasuki bilik ketua pejabat. Mungkin dia sedang menerima tamu, atau sedang mengadakan perundingan-perundingan penting yang tidak dikehendaki orang lain mendengarnya.

Adalah menjadi suatu perbuatan yang menunjukkan sopan santun kita dan tanda berbudi bahasa, jika kita beritahukan kedatangan kita terlebih dahulu, dengan mengetuk pintu. Dan baru kita mula membuka pintu, jika kita telah diberi kebenaran atau dipersilakan untuk masuk.

Mengetuk pintu, seharusnya dilakukan dengan sopan, iaitu jangan terlampau kuat sehingga akan memeranjatkan, tetapi janganlah pula terlampau perlahan sehingga tidak pula kedengaran. Dan caranya pula janganlah kerap diulang-ulang. Sebaik-baiknya, apabila pintu itu telah diketuk, nantikanlah sebentar, sehingga telah ada jawapan.

Sibuk

Tidak perlu kita ceritakan kepada orang lain bahawa kita selalu sibuk, sehingga dengan kesibukan itu banyak kewajipan-kewajipan kita yang tidak terlaksana. Orang akan jemu mendengarnya, sebab siapakah yang tidak sibuk dalam mengisi hidupnya? Semua orang mempunyai kewajipan-kewajipan tertentu dan

tugas-tugas tertentu. Kewajipan-kewajipan itu bukanlah tersebut paksaan orang lain, tetapi kerana untuk ditunaikan terhadap dirinya sendiri.

Tidak ada orang yang menyuruh mencari nafkah dengan bersibuk-sibuk, dan tidak ada pula melakukan kesibukan di dalam rumah tangganya. Semuanya adalah atas kesanggupan masing-masing, sehingga hidup yang ditempuhnya berjalan lancar.

Sebagaimana kita mendapati diri kita sibuk, tentunya orang lain pun juga sibuk. Dalam menghadapi tugas dan kewajibannya. Hanya bentuk tugas dan kewajipan itu sahaja yang berlainan.

Janganlah pula memberi alasan dengan mengatakan misalnya “saya sedang sibuk” jika kita tidak dapat datang menghadiri sesuatu undangan, atau tidak dapat melawat untuk menghormati atau menghargai sesama kita.

Kerana ketahui lah, bahawasanya masih banyak lagi orang yang lebih sibuk dari kita tetapi tetap dapat meluangkan waktu untuk memenuhi etiket ini, misalnya para doktor yang terus menerus merawat orang yang sakit, para bidan yang menolong ibu-ibu yang sedang bersalin, begitu pula pemimpin-pemimpin perusahaan lainnya.

Kalau kita memang tidak dapat memenuhi kunjungan-kunjungan yang disebutkan tadi, lebih baik berilah alasan yang tegas, sambil kita meminta maaf di atas kealpaan kita.



(sambung dari muka 6)

boleh menunaikan fardu haji yang difardukan ke atas umat Islam dengan berdasarkan kepada sosial ekonomi yang mungkin sedasar dengan dasar “PETIR”.
hubaya-hubaya umat Islam beringat-ingat.

Lee Kuan Yew dalam kata-katanya di Negeri Sembilan sebelum peristiwa rusuhan di Singapura telah membangkit-membangkit dengan katanya bahawa tak akan 40 peratus orang Melayu akan boleh menghalau orang-orang yang bukan Melayu di dalam Malaysia. Apabila ribut timbul reaksi atas ucapannya itu maka “ekor-ekornya” di antaranya daripada orang Melayu juga cuba memusing-musingkan apa yang dikatakan oleh Lee Kuan Yew dengan kononnya Lee Kuan Yew tidak bertujuan demikian.

Tetapi takdir menunjukkan kalau yang benar itu tidak akan dapat disembunyikan, maka di dalam temu ramahnya dengan seseorang penulis dari *Washington Post*, Warrent Aunt¹, Lee Kuan Yew mengulang semula tuduhan tuduhan itu dengan katanya: “tetapi sekarang orang-orang Melayu yang hanya mewakili 39 peratus dari seluruh penduduk, mahu ‘ mengeneipikan’ 61 peratus lagi orang-orang Cina, orang-orang Dayak dan lain-lain di Borneo”. Apakah ini tidak menunjukkan sesudah habis sepuh terbitlah senamnya ?

Banyak lagi ucapan-ucapan yang diucapkan dan oleh pengekor-pengekornya yang kita yakin mereka ucapkan adalah dengan perintah dan kemahuan Lee Kuan Yew sendiri. Kita cukup yakin bahawa ucapan-ucapan yang diucapkan itu lebih berbahaya daripada ucapan ucapannya sebelum terjadi rusuhan di Singapura dan akan lebih-lebih berbahaya lagi daripada yang telah lalu. Ucapan-ucapannya itu tak dapat tiada, menurut pendapat kita, akan menimbulkan keadaan-keadaan yang tidak digemari. Lee Kuan Yew sendiri berjanji, daripada apa yang tersiar, bahawa ia tidak akan berkata-kata selama dua tahun di dalam persoalan yang serupa itu. Tetapi beliau

pun dua tahun, ia telah menimbulkan persoalan ini dan memanaskan keadaan.

Oleh kerana Malaysia menghadapi peristiwa darurat dan kita pandang sebagai keadaan dalam masa perang, sekalipun tidak rasmi, maka segala punca-punca yang boleh menimbulkan perkara-perkara yang tidak mententramkan keadaan di dalam negeri sebelum menular, wajib bagi kerajaan pusat yang menguasai hal ehwal dalam negeri di Singapura mengambil langkah-langkah yang tegas dan tepat untuk menghapuskan penyakit yang boleh menimbulkan bahaya kepada keselamatan negara. Kerajaan pusat wajib bertindak ke atas sesiapa pun kalau difikirkan berbahaya kepada keselamatan negara dan keselamatan awam dan kita berkeyakinan bahawa rakyat akan berdiri di belakang langkah-langkah yang mungkin menjadi alat-alat orang luar.

* * *

Menteri Hal Ehwal Singapura

Dengan tertubuhnya kerajaan Malaysia yang mengandungi negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah sebagai sebuah negara gabungan maka bagi Sarawak dan Sabah sebagai kerajaan pusat telah pun melantik seorang menteri yang menjaga hal ehwal daerah-daerah itu untuk menjadi tangga perhubungan di antara kerajaan pusat dengan negeri itu kerana memerhati keperluan dan hajat-hajat negeri itu dengan rakyat.

Hanya bagi Singapura sahaja belum ada lantikan seorang menteri bagi hal ehwal Singapura. Menteri ini sangatlah mustahak terutamanya bagi mengawal dan memerhati segala perkara-perkara yang ada hubungannya dengan pusat dan kepadanya tempat hubungan di antara negeri dan pusat

¹ Nama sebenar tidak dapat dikesan

ditumpukan dan ia bertanggungjawab untuk memerhatikan adakah tugas-tugas pusat atau adakah hajat-hajat negeri dengan pusat terselenggara dengan baik dan dengan sempurnanya. Bahkan Menteri Hal Ehwal Negeri ini yang dilantik oleh pusat sangat mustahak adanya untuk memerhatikan sejauh mana 'parti sistem' dijalankan atau 'dipaksakan' kepada kakitangan kerajaan atau rakyat atau adakah penindasan yang halus atau kasar dilakukan kepada sesebuah negeri itu.

Perkara ini, kita berkeyakinan hendaklah kerajaan pusat mengambil perhatiannya dengan seberapa segeranya untuk kesejahteraan penduduk Singapura ini.



Buku-buku pelajaran

Surat Menyurat (Jawi)	\$1.80
Sejarah Ringkas Nabi Muhammad	1.20
Panduan Membaca dan Menulis	
Jawi	1.50
Baca 1	1.00
Pelajaran Sembahyang I	1.20
Pelajaran Sembahyang II	
Mengenai Imam, Makmum, Masbuk dan Seumpamanya	1.20
Mari Sembahyang (Lelaki)	1.20
Mari Sembahyang (Perempuan)	1.20
Pesanan tambah 10 sen belanja <i>post</i>	

Pesanlah kepada penerbitnya:

QALAM

356/8 Geylang Road,

SINGAPORE 14.

Tak ingin emas bermalam di rumahnya

Uqbah bin Harith bercerita katanya:

Saya sembahyang Asar bersama Nabi (S.A.W).

Sesudah memberi salam, baginda segera berdiri terus masuk ke rumah setengah isterinya. Kemudian keluar dan dilihatnya muka orang ramai yang kehairanan memikirkan sembahyang begitu cepat, lalu baginda bersabda: saya teringat yang saya sedang sembahyang masih menyimpan sepotong emas.

Saya tidak ingin emas itu akan menginap

(terletak) di rumah hingga ke petang atau ke malam. Oleh sebab itulah saya memerintahkan untuk membahagi-bahagikannya.

* * *

Tak peduli haram atau halal:

Abu Hurairah meriwayatkan bahawa Rasulullah (S.A.W) telah bersabda (yang maksudnya): "Akan datang pada manusia satu zaman yang mana ketika itu orang-orang tidak lagi ambil peduli akan apa-apa yang diambilnya adakah dianya halal atau pun haram."

* * *

Makanan menjadi berkata kerana disukat

Al-Miqdāmi bin Ma'di Kariba meriwayatkan bahawa Nabi (S.A.W)

bersabda: "kīlaw ṭa'āmākum yubārak lakum"

Maksudnya: Makanan yang mendatangkan keberkatan ialah, semasa menyediakannya dengan berkira dan disukat sekadar cukup – bukan berlebih-lebihan dan tidak pakai kira lagi sehingga menjadi sisa dan tersia-sia